

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menerangkan perbezaan kelayakan diantara STPM dan Matrikulasi dan di mana di antara kelayakan ini akan diberi keutamaan untuk kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Mohon Kementerian menjelaskan pembahagian di antara kedua-dua kelayakan ini dalam kuantitatif dan statistik, turut diminta sertakan nisbah pembahagian dan justifikasi keputusan yang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbezaan Kelayakan STPM dan Matrikulasi serta Keutamaan untuk Kemasukan ke IPTA

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi pemprosesan pemilihan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak membezakan di antara kelayakan-kelayakan yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Akreditasi (MQA) seperti STPM atau Matrikulasi. Oleh itu, tidak timbul persoalan keutamaan kepada mana-mana kategori kelayakan dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA. Semua calon perlu memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh senat universiti masing-masing.

KPM mengamalkan prinsip meritokrasi dalam semua proses kemasukan pelajar ke IPTA bermula dari Sesi 2002/2003. Ini termasuklah pengambilan pelajar ke Politeknik dan Kolej Komuniti dengan menggunakan prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA.

Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am atau Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Kemasukan pelajar lepasan STPM/Matrikulasi KPM/STAM/Diploma/Asasi/setaraf ke Program Pengajian Lepas STPM/setaraf di UA adalah melalui UPU *Online* dan tertakluk kepada syarat am dan khas yang ditetapkan oleh universiti masing-masing.

Pembahagian di antara Kedua-dua Kelayakan ini dalam Kuantitatif dan Statistik

Pada sesi akademik 2018/2019, seramai 54,104 calon lepasan STPM dan Matrikulasi telah memohon melalui UPU*Online* yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk kemasukan ke IPTA.

Dari jumlah ini, sebanyak 61 peratus (33,197) adalah calon lepasan STPM dan selebihnya iaitu 39 peratus (20,907) adalah calon lepasan Matrikulasi. Daripada jumlah ini, sebanyak 89 peratus (44,644) telah berjaya ditawarkan tempat pengajian di IPTA dengan pecahan 54.6 peratus (24,375) calon lepasan STPM dan hanya 45.4 peratus (20,269) sahaja adalah calon lepasan Matrikulasi.

Nisbah Pembahagian dan Justifikasi Keputusan yang Diambil oleh Kementerian

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, majoriti calon lepasan Matrikulasi mengambil bidang Sains manakala majoriti calon lepasan STPM mengambil bidang Sastera. Justeru, tiada nisbah khusus di antara calon STPM dan Matrikulasi yang diberi keutamaan untuk kemasukan ke Universiti Awam kerana syarat am kemasukan ke peringkat ijazah pertama memerlukan calon memiliki kelayakan SPM. Sementara itu, buat masa ini penawaran program sarjana muda di politeknik hanya dibuka kepada calon-calon lepasan diploma lanjutan dan diploma politeknik sahaja.

Sekian, terima kasih.